

KPDNHEP ambil tindakan tegas peniaga menaikkan harga topeng muka

MUHAMMAD AYMAN GHAFFA
18 September 2019 5:50 PM



Kementerian mempunyai kuasa mengambil tindakan bagi sebarang perlakuan menaikkan harga topeng muka secara tidak munasabah. - Gambar hiasan

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan tegas terhadap peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga topeng muka secara tidak munasabah.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, tindakan itu dilakukan berdasarkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Jelasnya, lima jenis topeng muka itu adalah topeng muka jenis pembedahan dan pembedahan satu lapisan (gelung telinga), dua lapisan (gelung telinga), tiga lapisan (gelung telinga atau gelung kepala), tiga lapisan (ikatan pada kepala) dan N95

"Topeng muka satu lapisan, harga borong dan runcit sekotak adalah RM5 dan RM7, dua lapisan (RM8 dan RM20 atau RM0.20 seunit) dan tiga lapisan (gelung telinga atau gelung kepala) harga borong dan runcit RM25 sekotak dan RM0.80 seunit.

"Bagi topeng muka tiga lapisan (ikatan pada kepala) harga borong dan runcitnya sebanyak RM30 sekotak dan RM0.80 seunit manakala topeng muka N95 pula ditetapkan harga borong, runcit sekotak (RM100) dan RM6 seunit," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Jelasnya, sebarang pelanggaran di bawah peruntukan akta itu bagi kesemua jenis topeng muka yang dinyatakan tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Menurut Saifuddin, kementerian mempunyai kuasa mengambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bagi sebarang perlakuan menaikkan harga borong atau runcit topeng muka secara tidak munasabah.

Jelasnya, kementerian memohon kerjasama pihak yang terlibat dalam pembekalan dan penjualan topeng muka agar membuat urus niaga secara berhemah serta mematuhi peruntukan harga maksimum topeng muka yang telah ditetapkan oleh kerajaan. - K! ONLINE

